

18/01/2004

KBS cadang wujud majlis pemotoran

Azidan Nahar

SUKAN pemotoran negara akan menuju selangkah ke hadapan apabila sebuah majlis pemotoran akan diwujudkan kerajaan menerusi Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bagi membangunkan sukan berkenaan terutama dalam melahirkan pelumba terbaik dalam perlumbaan Formula One (F1).

Kertas cadangan program berkenaan kini dalam perancangan KBS sebelum diserahkan kepada kabinet untuk kelulusan.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata dalam jangka masa sederhana pihaknya akan melihat dari aspek pembangunan sukan pemotoran negara dari akar umbi dan satu daripadanya ialah melahirkan pelumba F1 yang mampu menduduki podium dalam mana-mana sirkit perlumbaan.

"Selepas Alex Yoong kita akan lihat pula pembangunan di peringkat perlumbaan Kart dan juga perlumbaan lain seperti F3, buat masa ini kita akan cuba bangunkan ia secara terbaik dengan fokus dan perancangan teliti.

"Saya lihat pelumba seperti Fairuz Fauzy boleh pameran persembahan yang baik tapi kita tak mahu dedahkan dia terlalu awal kepada F1 supaya dia ada lebih masa dan apabila masanya sudah sampai kita akan tolong dan beri sokongan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Kempen Perlumbaan F1 di Menara Berkembar Petronas (KLCC) malam semalam. Hadir sama Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin, Pengerusi Litar Antarabangsa Sepang, Datuk Mokhzani Tun Mahathir dan Pengerusi Persatuan Automobil Malaysia (AAM), Datuk Tunku Mudzaffar Tunku Mustapha.

Hishammuddin berkata, kerajaan juga akan meneliti semua peringkat pembangunan dalam sukan pemotoran negara termasuk membabitkan pelbagai peringkat perlumbaan motosikal dan kereta supaya ia akan berkembang.

"Kita hendak tunjukkan yang kita juga mampu lahirkan pelumba F1 terbaik yang mampu menduduki podium, kita nak tonjolkan kebolehan anak tempatan dan sasaran kita pada 2005 atau 2006 untuk dapatkan seorang pelumba terbaik yang kita akan beri sokongan selain penajaan dari pihak swasta.

"Selepas enam tahun kita berjaya anjurkan perlumbaan F1 dengan baik, kini masanya sudah tiba untuk lahirkan pelumba F1 terbaik dari kalangan kita sendiri," katanya.

Sementara itu, SIC mensasarkan untuk mengumpul sejumlah 120 ribu penonton bagi menyaksikan perlumbaan F1 yang akan diadakan di Litar Sepang pada Mac nanti selepas segala perancangan diatur khusus untuk perlumbaan itu.

Mokhzani berkata, dengan wujudnya kesedaran dan perancangan yang baik antara semua pihak pihaknya berharap sasaran itu akan dapat dipenuhi tahun ini.

"Kita sudah pasarkan perlumbaan di Sepang ini ke luar negara seperti Bahrain dan China yang akan menjadi gelanggang perlumbaan selepas Sepang. Selain itu kita lebihkan kempen untuk menarik kedatangan orang ramai dan juga mengkaji harga tiket supaya dapat menarik kedatangan lebih ramai penonton," katanya.